

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID  
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM JUALAN MALAYSIA DAN  
KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA**

**PADA**

**25 SEPTEMBER (JUMAAT)**

**TEMPAT**

**MYDIN MALL BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI  
PULAU PINANG**

## **SALUTASI**

Tan Sri-Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Dato'-Dato' Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, yang dihormati sekalian.

- Senarai salutasi akan dikemukakan semasa majlis perasmian -

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan selamat datang.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, kita dapat bersama-sama pada Majlis Pelancaran Program Jualan Malaysia (PJM) dan Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) 2020 Peringkat Negeri Pulau Pinang di Mydin Bukit Mertajam, Seberang Prai pada pagi ini.
2. Pada kesempatan ini juga, sekalung penghargaan saya tujukan kepada pihak Mydin yang sudi bekerjasama sebagai tuan rumah dan menyediakan pelbagai fasiliti bagi menjayakan Program Jualan Malaysia (PJM) dan Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) 2020 Peringkat Negeri Pulau Pinang ini.
3. Program Jualan Malaysia dan Kempen Beli Barang Malaysia merupakan satu usaha Kerajaan untuk memastikan pemulihan ekonomi setelah kita melalui beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan dalam usaha kita mendepani cabaran pandemik COVID-19, yang bukan sahaja menjelaskan ekonomi negara kita, tetapi juga di seluruh dunia.

## **Mesej jelas Kerajaan melalui Program Jualan Malaysia dan Kempen Beli Barang Malaysia.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Pelancaran PJM dan KBBM 2020 pada peringkat nasional oleh YAB Perdana Menteri di Suria KLCC pada 18 Julai lalu merupakan satu isyarat jelas yang ingin diberikan kepada semua pihak samada komuniti perniagaan serta rakyat amnya mengenai kepentingan peranan setiap rakyat Malaysia untuk membantu merancakkan kembali pertumbuhan ekonomi negara kita. Antara isyarat utama Kerajaan adalah untuk memastikan rakyat Malaysia berbelanja dan mengutamakan barang buatan tempatan bagi menggerakkan ekonomi Malaysia yang sedang dalam fasa pemulihan setelah kita diuji dengan cabaran COVID-19 yang masih belum berakhir sehingga hari ini. Pada masa yang sama, komuniti perniagaan perlu turut sama memberi keyakinan kepada rakyat untuk berbelanja dengan menawarkan harga yang istimewa. Ini bagi memastikan rakyat mendapat *value for money* di kala banyak perbelanjaan perlu dilakukan dengan bijak. Pemulihan ekonomi ini penting demi kesejahteraan hidup rakyat pelbagai lapisan di negara kita ini.
5. Sehubungan dengan itu, bagi memudahkan rakyat dan komuniti perniagaan dalam memberi sokongan kepada Program Jualan Malaysia dan Kempen Beli Barang Malaysia maka Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah memudahkan proses permohonan Jualan Murah. Kini, peniaga hanya mengemukakan Notis Jualan Murah secara atas talian dan dalam tempoh 24 jam daripada permohonan dibuat peniaga sudah

boleh melakukan Jualan Murah. Peniaga juga boleh melaksanakan Jualan Murah pada bila-bila masa tidak melebihi tempoh 30 hari bagi setiap notis.

6. Kementerian turut memperkenalkan aplikasi telefon pintar MySalesTracker yang membantu peniaga dan pengguna untuk mencari premis di sesuatu kawasan yang ada menawarkan dan sedang melaksanakan Jualan Murah. Kemudahan ini membantu pengguna merancang kunjungan dan pembelian, sekaligus dapat menjadi pengguna bestari kerana mendapatkan barang keperluan pada harga yang lebih rendah daripada biasa.
7. Anda juga boleh layari portal Kementerian, [kpdnhep.gov.my](http://kpdnhep.gov.my) atau hubungi pejabat kita di seluruh negara bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan perkara ini.

### **Pihak peniaga yang terlibat dalam PJM dan KBBM di Pulau Pinang**

Hadirin sekalian,

8. Bagi pihak kementerian, saya juga merakamkan ucapan terima kasih atas kerjasama dan penyertaan 16 outlet perniagaan yang bersetuju untuk mengadakan Jualan Murah bagi pelancaran PJM dan KBBM 2020 peringkat negeri Pulau Pinang ini. Kementerian amat berbesar hati dengan komitmen pemilik outlet perniagaan ini yang bekerjasama baik dengan KPDNHEP dalam menjayakan PJM dan KBBM ini. Outlet ini terdiri daripada pelbagai kategori termasuklah fesyen, IT dan gajet, gaya hidup, *home living* dan produk-produk industri kecil dan sederhana. Namun saya percaya,

peniaga yang menyertai dan menyokong PJM dan KBBM di Pulau Pinang adalah lebih ramai lagi. Sesungguhnya sokongan dan penglibatan pengusaha dan peniaga ini diharap dapat membantu memulihkan ekonomi terutamanya bagi sektor peruncitan.

9. Saya percaya Pulau Pinang boleh menawarkan sesuatu yang menarik kerana negeri ini merupakan antara pusat pelancongan berasaskan gaya moden, kulinari dan pelancongan eko dan sebagainya. Pulau Pinang perlu mengetengahkan pelbagai tawaran yang menarik berasaskan kekuatan tadi kepada golongan M40 dan T20. Ini kerana golongan M40 dan T20 tidak dapat pergi melancong atau membeli belah di luar negara, maka usaha perlu digembung untuk memberi tawaran dan opsyen kepada keperluan golongan ini.
10. Saya dimaklumkan oleh pegawai-pegawai saya bahawa beberapa pusat beli-belah di sekitar Lembah Klang yang menawarkan konsep pembelian premium hanya menerima tamparan yang minima ke atas perniagaan mereka kerana golongan T20 sudah mula berbelanja. Ini adalah hasil usaha Kerajaan sejak 2 bulan lepas yang bertungkus-lumus mengajak rakyat berbelanja bagi memastikan pemulihan ekonomi berlaku dengan lebih cepat.

Hadirin sekalian,

11. Akhir kata, saya amat berharap agar semua pihak samada komuniti perniagaan dan rakyat Pulau Pinang umumnya agar dapat menyokong dan seterusnya menjayakan PJM dan KBBM di peringkat Pulau Pinang. Bersama-sama lah kita membantu usaha Kerajaan untuk memulihkan kembali ekonomi negara demi

kesejahteraan kita semua. Namun, dalam masa sama jadilah pengguna bestari dengan mengutamakan dan membeli barang buatan Malaysia, **#BARANG BAIK BARANG KITA**. Kalau bukan kita yang menjayakannya, siapa lagi.

12. Oleh itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Pelancaran Program Jualan Malaysia dan Kempen Beli Barang Malaysia bagi tahun 2020 peringkat Negeri Pulau Pinang.
13. Wabillaahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih.